



Doa Penutup:

Ya Bapa yang terkasih, kami berdoa agar kasih sentiasa hidup dalam keluarga kami. Bantulah kami bertumbuh dalam sikap saling menghormati dan menyedari bahawa kasih sejati itu sabar, baik hati dan mengampuni. Jadikanlah rumah kami tempat yang memberikan ketenangan, sukacita dan sokongan. Penuhi hati kami dengan kasih yang tulus supaya setiap pertemuan dan hubungan kami mencerminkan rahmat-Mu. Kami memohon semuanya ini melalui Kristus, Tuhan kami. Amin.

Lagu Penutup:

Satukanlah Hati Kami

Satukanlah hati kami
'tuk memuji dan menyembah
Oh...Yesus Tuhan dan Rajaku
Eratkanlah tali kasih,
di antara kami semua
Oh.... Yesus Tuhan dan Rajaku

Bergandingan tangan dalam
satu kasih
Bergandingan tangan dalam
satu iman
Saling mengasihi di antara kami
Keluarga Kerajaan Allah

PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil berkongsi secara ringkas perspektif "Kita", dengan memberi tumpuan kepada bagaimana mereka merasakan Roh Kudus menjemput mereka untuk memberi respons. Bersama-sama sebagai KED, kenal pasti satu "Langkah kepada Tindakan" yang mudah untuk membantu Sabda berakar dalam kehidupan harian.

Sebagai contoh:

- Sebagai sebuah keluarga, kongsi cara untuk mendekati keluarga yang belum kita kenali atau kurang kita kenali.
- Sebagai KED atau paroki, rancang aktiviti bersama dengan NGO yang mempunyai nilai teras yang selaras dengan nilai kita.

DOA UMAT

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

- "Tuhan, bantulah kami membina keluarga yang kukuh dan penuh kasih, tempat kami saling menyokong dalam menghadapi cabaran hidup walaupun terdapat perbezaan keperibadian dan pandangan. (S)
- Tuhan, ajarlah kami memupuk kesabaran, kerendahan hati dan kesediaan untuk saling mengampuni dengan segera supaya kami dapat hidup bersama dalam keharmonian. (S)
- Tuhan, bantulah rumah kami menjadi tempat yang penuh damai dan saling menguatkan. Semoga keluarga kami mencerminkan kasih-Mu melalui kata-kata dan perbuatan kami setiap hari.

Sahutan: "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

September 2026

KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:

KELUARGA: MENJANGKAU KELUAR

Pada masa kini, KED boleh menganjurkan aktiviti secara bersama dengan NGO atau badan kebajikan dengan melangkaui batas kelompok kita sendiri. Aktiviti yang dirancang hendaklah melibatkan keluarga dan memberi perhatian kepada golongan yang terpinggir serta rentan dalam masyarakat. Kita perlu keluar daripada zon selesa dengan mendekati orang lain, melakukan kunjungan pastoral kepada ibu bapa yang mengalami keadaan "sarang kosong" (perasaan yang dialami apabila anak-anak meninggalkan rumah), memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan penjagaan khas, serta mendekati mereka yang tidak lagi datang ke gereja.



MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Mengasih Maria Kerinduanku

(https://youtu.be/6AmMW_65HpQ?si=SGjgweVwaWPOox8u)

Mengasih Maria kerinduanku
Menjadi abdi-Nya cita hidupku
Ya Bunda surgawi sambut baktiku
Kini kuhaturkan doa pada-Mu

Maria pemurah ratu surgawi
Engkaulah Bundaku, aku anak-Mu
Janganlah biarkan apa pun juga
Memisahkan kita kini dan kelak

Ratu yang perkasa dengar doaku
Dampingilah aku di medan hidup
Hulurkan tangan-Mu bila kujatuh
Dan hantarkan aku ke dalam syurga

Doa Pembukaan

(Marilah kita menempatkan diri dalam hadirat Allah dan membuka hati kita kepada Roh-Nya.)

Bunda Maria yang terkasih, kami memohon agar Bunda mendengarkan doa kami pada malam ini. Kami memohon agar Bunda menghimpunkan setiap hati yang hancur dan terluka dalam keluarga kami. Serahkanlah kesakitan kami ke dalam tangan Yesus, terutama ketika pengampunan terasa begitu jauh daripada hati kami. Bunda Maria, lihatlah air mata yang tidak dapat kami sembunyikan. Curahkanlah kasih Bunda dan sembuhkanlah hati kami sekali lagi. Kami memohon agar Bunda memberkati setiap anggota keluarga kami dan merangkul mereka dalam kasih keibuan Bunda. Kami memohon semuanya ini melalui Kristus, Tuhan kami. Amin.

Laluan Pastoral

Sakramen Pembaptisan menjadikan seseorang anggota penuh Gereja Katolik dan menyatukannya dengan umat beriman yang lain. Semua orang yang telah dibaptis mengambil bahagian dalam imamat Yesus Kristus dan dipanggil untuk mempersembahkan kehidupan harian mereka sebagai korban rohani. Kita mengambil bahagian dalam tugas Kristus sebagai nabi, imam dan raja dengan berkongsi iman Kristian dan melayani sesama. Roh Kudus mengurniakan rahmat rohani istimewa dan karisma kepada kita untuk membina Gereja melalui perutusan kita. Kurnia-kurnia ini tidak kelihatan tetapi nyata, dan mengubah hubungan seseorang dengan Tuhan dan Gereja, serta menjadikannya anak Tuhan yang dikasihi.

Konsili Vatikan Kedua menyebut keluarga sebagai "Ecclesia domestica", iaitu Gereja Rumah Tangga. Yusuf dan Maria merupakan guru iman pertama bagi Yesus, dan Yesus membesar dalam lingkungan Keluarga Kudus. Dalam keluarga, ayah dan ibu menjadi pembimbing pertama yang memperkenalkan Tuhan kepada anak-anak melalui kehidupan harian, doa dan kesaksian iman. Rumah ialah sekolah asas pertama kehidupan Kristian, tempat asas kehidupan rohani anak dibentuk serta nilai berkongsi dan menjangkau sesama dipupuk.

Dalam pertemuan harian kita dengan orang lain, kita perlu memberi ruang agar setiap orang berasa dihargai dan didengari, mencari cara untuk membina kepercayaan dan mengembangkan empati. Komitmen sosial kita termasuk membantu komuniti menghadapi kesusahan dan cabaran harian, memelihara alam semula jadi dan Ibu Bumi, serta membimbing Umat Allah untuk membuat pilihan yang adil dalam masyarakat.

Paus Leo XIV menyeru kita untuk memperkukuh martabat manusia dengan menyatakan bahawa "teknologi tidak pernah neutral kerana teknologi mencerminkan ciri-ciri mereka yang mencipta, membiayai, mengawal selia dan menggunakannya" (*Magnifica Humanitas*, no. 9). Kita perlu menyedari bahawa hati manusia ialah tempat Tuhan ingin bersemayam. Kita perlu melangkaui batas kita dan membina hubungan yang lebih mendalam dengan mendampingi orang lain, khususnya ketika mereka memerlukan bantuan dan sokongan.

KITAB SUCI

Kisah Para Rasul 2:44-47

Dan semua orang yang telah menjadi percaya tetap bersatu, dan segala kepunyaan mereka adalah kepunyaan bersama, dan selalu ada dari mereka yang menjual harta miliknya, lalu membagi-bagikannya kepada semua orang sesuai dengan keperluan masing-masing. Dengan bertekun dan dengan sehati mereka berkumpul tiap-tiap hari dalam Bait Allah. Mereka memecahkan roti di rumah masing-masing secara bergilir dan makan bersama-sama dengan gembira dan dengan tulus hati.



BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Bentuk kumpulan kecil seramai 4 hingga 6 orang. Luangkan satu minit keheningan antara setiap pusingan perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif “Saya”

Semua dijemput untuk berkongsi sekali sahaja, selama kurang daripada dua minit.

(Tiada komen terhadap perkongsian orang lain.)

- Adakah saya menghormati martabat orang lain dalam keluarga?

(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian. Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan – Perpektif “Saya dan Anda”

Para peserta memberi respons kepada sesuatu yang mereka dengar daripada orang lain.

- Apakah perkara yang paling menyentuh hati saya daripada perkongsian orang lain?
- Di manakah saya melihat cabaran yang sama atau harapan yang dikongsi bersama?

(Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan 3 – Perpekstif “Kita”

Fasilitator menjemput kumpulan untuk menimbang rasa bersama.

- Apakah yang Roh Kudus katakan kepada KED kita tentang usaha melangkaui batas untuk membina jambatan hubungan dalam keluarga dan dengan jiran-jiran kita?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)